

## PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

### NOTIS TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan berpengalaman dalam melaksanakan bidang-bidang yang dicadangkan seperti berikut :

No. Tender	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Tender	Syarat-Syarat Petender	Kelayakan Petender	Harga	Taklimat Wajib
TENDER/PTGS/01/2016	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH 100 UNIT KOMPUTER PERIBADI BESERTA 10 UNIT PENGIMBAS DAN 5 UNIT PENCETAK SECARA SEWABELI UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DIBAWAH KOD 210101 DAN 210103	BERDAFTAR DENGAN SISTEM MAKLUMAT KONTRAKTOR NEGERI SELANGOR ( <a href="http://pkk.selangor.gov.my">http://pkk.selangor.gov.my</a> )	RM50.00	<b>11.2.2016 (Khanis)</b> Jam:9.30 pg Di Bilik Mesyuarat Gemilang 1.

1. Dokumen tender boleh diperoleh melalui laman web Sistem Penjualan Dokumen Tender dan Sebutharga Negeri Selangor (<http://tender.selangor.gov.my>) atau di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Tingkat 4, Bangunan SSAAS, 40000 Shah Alam mulai **1 Februari 2016** hingga **22 Februari 2016**. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk **Draf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja atas nama Bendahari Negeri Selangor**. Petender/Wakil yang sah hendaklah membawa bersama SIJIL ASAL DAN SALINAN SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA(KKM) DAN PENDAFTARAN UPEN.
2. Tarikh tutup tender adalah : **22 Februari 2016 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Borang tawaran yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat atau diikat kemas dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat dengan kod tender **TENDER/PTGS/01/2016** dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat seperti berikut :

**Peti Tender, Pejabat Tanah dan Galian Selangor  
Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 4, Bangunan Sultan  
Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor**

3. Petender dimestikan mengisi borang-borang yang terdapat di dalam Dokumen Tender ini dan melampirkan perkara-perkara yang dinyatakan dengan sempurna. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan**. Kerajaan Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana - mana tawaran.

Tarikh : 29 Januari 2016

Pengarah  
Pejabat Tanah dan Galian Selangor